

**SOALAN NO: 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID**

**TARIKH: 21 MAC 2017**

**SOALAN:**

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kedudukan TPPA dalam isu pekerja setelah Amerika Syarikat menarik diri dari menganggotai badan tersebut.**

**PR-1351-L01302**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk mematuhi obligasi di bawah Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), Kementerian Sumber Manusia (KSM) terpaksa meminda sembilan (9) akta perburuhan di bawah bidang kuasa Jabatan dan Agensi di bawahnya.
2. Walaupun Amerika Syarikat menarik diri daripada TPPA, KSM akan meneruskan pindaan ke atas 9 akta perburuhan berkaitan.
3. KSM berpendapat pindaan sedemikian perlu dibuat untuk meningkatkan standard perburuhan di Malaysia supaya selari dengan konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), dan memastikan undang-undang tersebut bertepatan dengan keperluan dan perkembangan semasa. Walau bagaimanapun, KSM akan mengkaji semula beberapa peruntukan yang bersifat *contentious* di kalangan majikan dan kesatuan sekerja sebelum melaksanakan pindaan ini.

**SOALAN NO.58**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK AGO ANAK  
DAGANG @ AARON [KANOWIT ]**

**TARIKH : 21 MAC 2017**

**SOALAN :**

**YB Datuk Ago Anak Dagang @ Aaron [ Kanowit ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pelaksanaan program pinjaman perumahan untuk penduduk rumah panjang di Sarawak yang telah diperuntukkan sebanyak RM 50 juta dalam Bajet 2016.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan secara geran kepada Kerajaan Negeri Sarawak sebanyak RM50 juta pada tahun 2016 bagi tujuan membina dan membaik pulih rumah panjang di Negeri Sarawak.

Dalam hal ini, Kementerian Perumahan dan Urbanisasi Sarawak melalui *Housing Development Corporation (HDC)* Sarawak selaku agensi pelaksana telah menyediakan pinjaman dengan had maksimum sebanyak RM50,000 bagi satu pintu dalam unit rumah panjang. Bagi tahun 2016 sahaja, sebanyak 1,858 pintu rumah panjang telah diluluskan di bawah skim pinjaman ini.

Sekian, terima kasih.